

VOLUME III
SERIES III
NOVEMBER 2022

arte

Art and Expression

ART + COMMUNITY

**SOCIAL
HUMANITY**



© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No ISSN: 2805-5454

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²



INTRODUCTION

ARTE: Art and Expression is a biannual book chapter, published under collaboration of Department of Fine Arts, Faculty of Art & Design, UiTM Perak Branch with Galeri Al-Biruni under the supervision of Universiti Teknologi MARA, Malaysia. 'ARTE' is an amalgamation of english word 'Art', and malay word, specifically Perak slang 'Ate' which translate as conversation starter. 'ARTE' uses the concept of book chapter that platform art enthusiasts to express their inner-creativity in the form of literacy conjecture

VISION

Art and expression as aspiration towards stylistic and artistic practices

MISSION

- To enhance the culture of research and academic publication among academician and artist for international recognition
- To promote intellectual, cultural and knowledge sharing through artistic expression
- To celebrate the diversity and differences in arts practices thus creating and intellectual platform for artist to express their interest in art

PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) books per year (March and September)

ISSN No.

2805-5454

COPYRIGHT NOTICE

Copyright © 2022 ARTE: Art and Expression. All rights reserved.

No portion of this book may be reproduced in any form without permission from the Publisher, except as permitted by the publisher themselves. For permission purpose contact:

arte@uitm.edu.my



© The Editor(s) (if applicable) and The Author(s) 2022

This book is an open access publication

Open Access: this book is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution 4.0 International License (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits use, sharing, adaptation, distribution and reproduction in any medium or format, as long as appropriate credit is given to the original author(s) and the source, provide a link to the Creative Commons licence and indicate if changes were made.

DISCLAIMER

The authors, editors, and publisher will not accept any legal responsibility for any errors or exclusions that may have been made in this publication. The publisher makes no warranty, express or implied, with respect to the material contained herein.

“Ayah and Mama”

INSPIRASI LAKARAN SI ANAK

a chapter by

SHUHAILA BINTI NAHRAWI, SHAHRIZAD FITRI BIN MUSTAPHA, MUHAMAD ROZALI BIN OTHMAN & DAYANG
INTAN FARAHANIES BINTI ALMURID
Universiti Teknologi MARA, (UiTM) Seri Iskandar, Perak



Abstrak

Karya “Ayah and Mama” telah dipamerkan di Pameran Asia International Community of Art and Design (AICAD) yang bertemakan “Tales of The Cities” pada tahun 2021. Karya ini merupakan salah satu inisiatif dan idea pengkarya untuk menyampaikan mesej kepada penonton pentingnya keprihatinan ibu bapa dalam perkembangan kanak-kanak daripada hasil lukisan yang telah dihasilkan oleh mereka. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan kaedah pemerhatian dan analisis data dari bahan sampel lukisan seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 5 tahun. Hasil daripada kajian yang dibuat, pengkarya memperolehi idea bagi menghasilkan sebuah karya yang diinspirasikan dari lakaran imej yang dihasilkan oleh kanak-kanak tersebut. Lakaran imej dipilih sebagai kajian utama kerana pada usia ini dinyatakan bahawa kanak-kanak sudah mula melukis objek konkrit dengan menggunakan garisan dan warna. Selain itu, pada usia ini juga kanak-kanak sudah tahu menggambarkan keadaan sekeliling mereka serta menyampaikan mesej dengan menggunakan kaedah melukis dengan jelas. Hasil daripada kajian ini juga dapat membuka pemikiran masyarakat bahawa aktiviti melukis bukanlah sekadar hobi dimasa lapang bagi seorang kanak-kanak. Ia merupakan satu proses penting diawal perkembangan tumbesaran dan pendidikan seorang kanak-kanak.

Kata kunci: *Lukisan kanak-kanak*

Pengenalan

Lukisan merupakan alat komunikasi bagi melontarkan idea, kreativiti, emosi dan pendapat

seseorang untuk menyampaikan mesej melalui visual. Aktiviti melukis bukan hanya dikuasai oleh golongan dewasa, malah di peringkat awal perkembangan kanak-kanak juga sudah sinonim dengan aktiviti melukis. Menurut Saat (2006), Lukisan adalah salah satu media ekspresi, naratif dan analisis bagi kanak-kanak. Aktiviti melakar dan mewarna dijadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di awal peringkat sekolah. Ada sesetengah kanak-kanak amat sukakan aktiviti melukis dan menjadikan aktiviti melukis sebagai salah satu hobi harian mereka. Menurut Taisin (2018), aktiviti melukis mampu membantu kanak-kanak mengenal objek serta meningkatkan sensitiviti terhadap keadaan sekeliling selain mampu meningkatkan daya imaginasi dan mengimbangi emosi mereka. Kanak-kanak merupakan insan yang sangat sensitif dengan keadaan sekeliling. Mereka melihat, mendengar dan merasa apa sahaja yang ada disekeliling mereka. Kebanyakan kanak-kanak sukar untuk bercerita atau menerangkan sesuatu perkara dengan jelas. Melukis adalah salah satu kaedah bagi kanak-kanak menyampaikan maklumat dan menceritakan sesuatu perkara yang dilihat dan dilalui dalam kehidupan seharian mereka. Setiap lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak mempunyai nilai yang tersendiri dan ia berkait rapat dengan psikologi mereka. Aktiviti melukis banyak digunakan oleh saintis, pendidik dan ibu bapa bagi menyelami perasaan dan fikiran kanak-kanak (Taisin,2018).

Kajian Literatur

Menurut Norshahidah (2022), Lukisan kanak-kanak mempunyai persamaan dengan lukisan abstrak dimana ia lebih bersahaja, lakaran rawak, contengan dan gaya yang lebih bebas.

Hal ini menunjukkan kanak-kanak lebih bebas dan jujur dalam berkarya. Kajian Herbert Read (1968), aktiviti fizikal seperti melukis mampu mengaktifkan pengetahuan pasif sedia ada dalam diri kanak-kanak dimana ia mampu meningkatkan kualiti pembelajaran, perkembangan dan tumbesaran kanak-kanak. (Kamal, 2019) Malah, lukisan juga dapat menilai personaliti kanak-kanak dengan melihat penggunaan bahan yang digunakan seperti cat, pen, pensil warna, marker, tanah liat dan sebagainya. Dengan penggunaan bahan yang pelbagai secara tidak langsung dapat menyampaikan perbezaan ekspresi, emosi serta pemikiran kanak-kanak dengan lebih jelas. (Mohd Hanif Haji Hassan, 2021).

Terdapat beberapa teori yang menerangkan perkembangan lukisan kanak-kanak. Diantaranya adalah teori Herbert Read, Vicktor Lowenfeld dan Laura H.Chapman. Berikut merupakan teori yang dinyatakan oleh ketiga-tiga tokoh tersebut:

a) Teori Herbert Read

Read berpendapat bahawa seni kanak-kanak merupakan persepsi kanak-kanak kepada sesuatu yang realiti dalam dunia sekeliling mereka dan ia juga mempunyai maksud yang tersirat untuk dianalisis. (Noriati A. Rashid, 2011)

b) Teori Vicktor Lowenfeld

Didalam teori Lowenfeld dan Britain (1987), ia menyatakan bahawa perkembangan lukisan kanak-kanak dikuasai oleh peringkat perkembangan fizikal, mental, sosial, intelek dan estetik setiap kanak-kanak. Selain itu faktor luaran seperti sosial budaya, alam sekitar dan latar belakang keluarga juga memberi kesan dalam lakaran kanak-kanak. Lowenfeld membahagikan peringkat perkembangan mengikut usia iaitu dari 2 hingga 4 tahun sebagai peringkat scribbling, 4 hingga 7 tahun adalah peringkat preschematic, 7 hingga 9 tahun peringkat schematic, 9 hingga 12 tahun adalah peringkat dawning realism / the gang age, 12 hingga 14 tahun adalah peringkat pseudonaturalistic dan akhir sekali pada usia 14 hingga 17 tahun iaitu peringkat period of decision / adolescent art in high school.

(Noriati A. Rashid, 2011)

c) Teori Laura H.Chapman

Modul teori yang dikeluarkan oleh Chapman pada tahun 1972 adalah mempunyai corak perkembangan yang sama dengan teori Lowenfeld iaitu pada peringkat scribbling. Di dalam teori Chapman menyatakan kanak-kanak lelaki dan perempuan didapati melukis dengan cara yang sama pada peringkat awal pertumbuhan dan perkembangan mereka. Kanak-kanak seusia ini banyak menggunakan krayon, pensil dan pen kerana ia lebih mudah dikawal oleh kanak-kanak pada usia tersebut. Terdapat 3 fasa yang diperkenalkan oleh Chapman iaitu fasa penjanaan idea, fasa pengolahan dan pemurnian, serta fasa kemahiran menggunakan bahan. (Noriati A. Rashid, 2011)

Kaedah penyelidikan

Kajian menggunakan kaedah kualitatif dimana proses pemerhatian dan menganalisa lakaran dibuat pada beberapa helaian lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak berusia 5 tahun. Menurut Hurtwiz dan Day (2001), pada usia ini kanak-kanak berada pada peringkat perkembangan menghasilkan simbol dimana kanak-kanak pada usia ini sangat terpengaruh dengan keadaan sekeliling. Simbol dan imej yang sering ditonjolkan adalah seperti imej diri, ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan. Lakaran imej juga dihasilkan dengan pelbagai saiz serta penggunaan warna bagi menjelaskan imej yang ditonjolkan. (Mustapha,2017) Selain itu, menurut Lowenfeld (1987), kanak-kanak usia 4-7 tahun mula melukis objek disekeliling mereka dengan menggunakan garisan seperti melakar imej ibu ayah serta orang yang rapat dengan menggunakan imej yang berbeza-beza. (Noriati A. Rashid, 2011) Bagi menghasilkan karya “Ayah and Mama”, pengkarya menggunakan beberapa kepingan lukisan anak perempuannya yang berumur 5 tahun sebagai sampel kajian. Sampel yang dipilih dianalisa bagi memperolehi data berkaitan imej yang ditonjolkan dalam setiap lakaran yang dihasilkan. Setelah maklumat diperolehi dan dianalisa, proses pemilihan bahan dan teknik yang sesuai dapat ditetapkan bagi menghasilkan


karya tersebut. Berikut merupakan carta alir penghasilan karya: dalam Cerita (2014) Zurinah Hassan. Selain itu, esei ini turut menganalisis perbezaan pemilihan diksi dalam elemen retorik penceritaan dalam Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita (2014).



Rajah 1: Carta Alir proses penghasilan karya

Analisa dan dapatan

Analisa dibuat menggunakan beberapa kepingan lukisan yang dipilih bermula pada tahun 2020 sewaktu dunia mengalami ancaman virus Covid-19. Sampel lukisan banyak menunjukkan aktiviti harian dan situasi yang berlaku di sekeliling. Penggunaan bahan seperti pensil, marker, pen dan pensil warna menjadi pilihan utama dalam setiap lakaran. Berikut beberapa kepingan lukisan yang dipilih dalam kajian ini:



Rajah 2: PKP Covid-19


Lukisan PKP Covid-19 merupakan lakaran yang menceritakan aktiviti dan situasi yang dilakukan oleh keluarga di dalam rumah. Imej utama yang digambarkan adalah imej ibu bapa, adik-beradik dan saudara. Lakaran ruang di dalam rumah serta luar rumah juga dilukis dengan jelas dimana kedudukan perabot seperti meja makan, dapur, tingkap dan pintu rumah. Aktiviti yang dapat dilihat seperti ibu sedang memasak didapur, ahli keluarga makan di meja makan dan aktiviti

bermain bersama adik dan saudara. Terdapat juga imej lain yang ditonjolkan seperti imej permainan iaitu robot. Imej robot dilakar besar kerana permainan tersebut merupakan permainan kegemarannya ketika itu. Manakala imej saudara merupakan imaginasi serta hayalan kanak-kanak di dalam lakaran bagi menyatakan perasaan rindu terhadap saudaranya kerana lama tidak bertemu akibat PKP. Setiap imej yang ditonjolkan mampu menunjukkan emosi yang berbeza-beza. Lakaran dihasilkan penuh pada permukaan kertas bagi menceritakan segala aktiviti harian yang berlaku dalam rumah.



Rajah 3: Keluarga

Keluarga merupakan insan penting dalam kehidupan kanak-kanak kerana keluarga yang sejahtera dapat melahirkan generasi yang sihat dan cemerlang. Keluarga juga merupakan tempat awal pendidikan kanak-kanak. Salah satu lukisan yang sering dihasilkan oleh kebanyakan kanak-kanak adalah potret keluarga. Pada usia lima tahun, kanak-kanak diperingkat ini dinyatakan sebagai pra-skematik. Diusia ini kanak-kanak mampu melukis bentuk konkrit seperti lakaran orang sebagai imej utama (Xin,n.d). Dalam Lukisan ini dapat dilihat lakaran imej dan rupa fizikal yang berbeza-beza, perbezaan jantina, perasaan serta emosi yang hendak disampaikan. Pada usia lima tahun, kanak-kanak sudah pandai mengenal dan membuat perbezaan dalam sesuatu perkara seperti perbezaan jantina dengan menggunakan warna. Penggunaan warna biru digunakan untuk lelaki manakala warna merah adalah untuk perempuan. Saiz setiap imej juga di lakarkan berbeza bagi menunjukkan perbezaan fizikal dan usia. Perasaan dan emosi juga turut ditonjolkan pada setiap imej yang dilakarkan.



Rajah 4: Lakaran imej bapa

Bapa merupakan insan penting dalam sesebuah keluarga. Bagi seorang kanak-kanak perempuan, bapa dianggap hero keluarga dan perlindungan mereka. Lukisan ini menonjolkan tiga imej bapa dalam situasi yang berbeza-beza. Lakaran yang bersahaja dengan penggunaan warna biru menjadi keutamaan dalam menggambarkan imej bapa. Ekspresi wajah dan emosi juga ditonjolkan bagi menggambarkan keadaan, situasi dan emosi bapa sewaktu dilihat seperti gembira, marah dan sebagainya.



Rajah 5: Lakaran imej ibu

Lakaran imej ibu dihasilkan dengan menggunakan warna merah jambu serta objek lain seperti bunga yang dilukis bersama-sama bagi menonjolkan watak perempuan. Setiap lakaran imej ibu yang dihasilkan pada lukisan dihasilkan besar bagi menunjukkan kepentingan ibu di dalam sesebuah keluarga. Pada lakaran yang dihasilkan, kanak-kanak turut menonjolkan imej ibu yang berbeza-beza mengikut keadaan. Hal ini dapat dilihat pada ekspresi wajah pada lakaran yang dihasilkan seperti ekspresi marah dengan membentuk garisan bibir berbentuk zig-zag. Manakala emosi gembira ditonjolkan dengan lakaran bibir kelihatan tersenyum.

Proses penghasilan karya

Hasil daripada pengumpulan data dan analisa yang dibuat, pengkarya memilih dua imej utama yang

sering ditonjolkan pada lukisan yang dihasilkan oleh anaknya. Imej bapa dan ibu merupakan imej yang sering dilakarkan dengan pelbagai saiz dan rupa yang berbeza-beza. Empat imej bapa dan ibu dipilih sebagai rujukan utama dalam penghasilan karya. Setiap imej yang dipilih menggambarkan emosi yang berbeza-beza.

Didalam penghasilan karya ini, pengkarya menggunakan kain belacu sebagai bahan utama. Pada peringkat awal, lakaran yang dihasilkan pada permukaan kain mengikut rupa dan imej yang sama seperti imej sebenar tanpa diolah. Setelah proses melakar, kain belacu di warnakan dengan menggunakan warna fabrik iaitu dua warna asas merah dan biru. Kedua-dua warna ini dipilih bagi membezakan perbezaan jantina diantara imej bapa dan ibu. Pemilihan warna juga mengikut kepada warna yang dihasilkan pada lukisan kanak-kanak tersebut. Bagi menampakkan kesan yang lebih harmoni, kedua-dua warna ini dicampurkan pada permukaan tengah karya yang menghasilkan warna ungu.

Setelah kain yang diwarnakan kering, pengkarya menggunakan teknik jahitan bagi menonjolkan imej pada karya. Teknik jahitan sulaman jarum tebuk atau punch needle menjadi pilihan utama. Teknik ini memerlukan jarum khas serta pemilihan jarum perlulah bersesuaian dengan jenis benang dan kain yang digunakan. Pengkarya memilih benang sulam tangan atau dikenali sebagai cross stitch thread sebagai bahan utama bagi menghasilkan imej pada karya. Pemilihan warna benang juga merujuk kepada warna pada lukisan asal serta pemilihan warna yang lebih terang dari permukaan kain yang telah diwarnakan.

Karya akhir dan kenyataan artis



Rajah 6: Karya "Ayah and Mama"

Karya “Ayah and Mama” dihasilkan dengan saiz karya sebesar 43cm x 110cm. Karya ini menggambarkan ekspresi imej ibu bapa dari pemerhatian seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 5 tahun. Setiap imej yang dilakarkan menonjolkan ekspresi wajah serta emosi yang berbeza-beza sama ada gembira, marah, kerkejut dan sebagainya. Kedua-dua imej ini merupakan imej penting dalam setiap diri kanak-kanak. Kanak-kanak melihat ibu bapa sebagai idola dalam kehidupan mereka. Setiap gerak geri ibu bapa sentiasa diperhatikan oleh kanak-kanak. Kanak-kanak juga merupakan insan yang mampu menilai sesuatu perkara dengan melihat dan merasai situasi yang sedang dialaminya.

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat dari kajian ini adalah lukisan kanak-kanak merupakan lakaran yang sangat estetik dan membawa maksud serta menceritakan sesuatu perkara dengan jujur dan jelas. Setiap lakaran yang dihasilkan oleh seorang kanak-kanak dapat menceritakan apa yang dilihat, didengar, dirasai serta dipelajari setiap hari dalam kehidupannya. Kebanyakan ibu bapa mungkin tidak menyedari bahawa aktiviti melukis boleh dijadikan satu kaedah penilaian perkembangan kanak-kanak, dan ianya bukanlah sekadar hobi dan bakat semata-mata. (Kamal,2019). Ibu bapa seharusnya menghargai lukisan yang dihasilkan oleh setiap anak kerana ia merupakan salah satu proses pembesaran yang baik. Selain itu, ia juga merupakan alat komunikasi yang jelas kepada ibu bapa untuk lebih mengenali dan memahami apa yang dirasai oleh anak mereka. Daripada kajian ini juga dapat disimpulkan bahawa teori yang dinyatakan oleh Hurtwiz dan Day (2001) serta Lowenfeld (1987) adalah tepat bahawa perkembangan kanak-kanak merujuk kepada perkembangan usia yang melibatkan faktor perkembangan fizikal, mental, emosi dan kehidupan sosialnya.

Rujukan

- Hashim, A. S. (1999, Februari). Kajian Klinikal Lukisan Kanak-Kanak Mengikut Tahap Perkembangan. Retrieved from Academia: https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/31856593/LP_ABDULSHUKOR_HASHIM_99_24-with-cover-page-v2.
- Kamal, N. A. (2019). Lukisan Sebagai Kaedah Penilaian Perkembangan Perspektif Dan Analitikal Kanak-Kanak. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)* Vol.7, 2.
- Saat, M. K. (2006). Lukisan sebagai Media Ekspresi, Naratif dan Analisis bagi Kanak-Kanak. *Wacana seni Journal of Arts Discourse* Vol.5, 117-126.
- Taisin, N. J. (2018). Aktiviti Melukis meningkatkan Keyakinan Diri Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak* Jilid 7, 19-29.
- Norshahidah Mohd Rafi, H. H. (2022). PERGERAKAN PROSES LUKISAN KANAK-KANAK DALAMLAKARAN KASAR SENI VISUAL. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol.11 (1), 24-39.
- Mustapha, A. (2017). Peringkat Perkembangan Lukisan Kanak-Kanak. *International Journal of Creative Future and Teniat*, 14 - 20.
- Mohd Hanif Haji Hassan, M.S. (2021). INTERVENSI ‘ART THEREAPY’ : SATU PENDEKATAN KAUNSELING. *Cendikia*, 120 - 129.
- Xin, Z. (n.d.). Tokoh Lukisan Kanak - Kanak. Retrieved from CERT Academy: <https://independent.academia.edu/ZixinXIn>
- Dr. Noriati A. Rashid, L.h. (2011, January). PSV3103 Kreativiti dan Seni Kanak - Kanak. Retrieved from Academia.com: https://www.academia.edu/4530816/PSV3103_Kreativiti_Dan_Seni_Kanak_Kanak

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR